

JAWAPAN

Tuan Yang Dipertua,

1. Izinkan saya untuk menjawab soalan daripada YB Penampang bertarikh 22 November 2016 dan YB Kalabakan bertarikh 24 November 2016 secara bersama memandangkan kedua-dua soalan menyentuh berkenaan perkara yang sama. Untuk makluman Yang Berhormat, Fasal (1) perenggan (a) kepada Perkara 112C Perlembagaan Persekutuan memperuntukkan bahawa Kerajaan Persekutuan hendaklah membuat pemberian kepada Sabah pada setiap tahun kewangan suatu amaun yang ditentukan menurut perenggan 2 Bahagian IV, Jadual Kesepuluh, Perlembagaan Persekutuan. Amaun tersebut adalah bersamaan dengan 2/5 daripada amaun yang hasil bersih yang diperolehi oleh Kerajaan Persekutuan dari Sabah. Hasil bersih bermaksud hasil yang terakru kepada Persekutuan, ditolak amaun yang diterima oleh Sabah berkenaan dengan penyerahhakan hasil itu. Berdasarkan peruntukan tersebut, pemberian kepada Sabah adalah tertakluk kepada hasil bersih yang didapati oleh Persekutuan pada setiap tahun dan dengan itu tidak semestinya pada satu kadar tetap sebagaimana yang diberikan sekarang.

2. Pemberian khas dan penyerahhakan hasil tertentu kepada Sabah dan Sarawak adalah termaktub dalam Perlembagaan Persekutuan sebagaimana yang diperuntukkan di bawah Perkara 112C dan disenaraikan dalam Bahagian IV dan V, Jadual Kesepuluh, Perlembagaan Persekutuan. Penetapan amaun pemberian khas dan penyerahhakan hasil itu adalah sebagaimana yang ditetapkan di bawah peruntukan-peruntukan berkenaan dan hendaklah dipersetujui oleh kedua-dua Persekutuan dan negeri yang berkenaan. Setiap tahun, Kerajaan Persekutuan telah menyediakan Pemberian Khas kepada Negeri Sabah dan Sarawak dengan kadar berkuat kuasa sekarang iaitu sebanyak RM26.7 juta kepada Negeri Sabah dan sebanyak RM16 juta kepada Negeri Sarawak.

3. Untuk makluman Yang Berhormat juga, pemberian di bawah Fasal (1) Perkara 112C adalah tertakluk kepada kajian semula seperti yang diperuntukkan di bawah Perkara 112D. Menurut Perkara 112D, kajian semula boleh diadakan pada bila-bila masa selepas tempoh pertama berakhir sebagaimana yang dikehendaki oleh Kerajaan Persekutuan atau Kerajaan Negeri. Kajian semula bagi pemberian khas Sabah dan Sarawak telah dilakukan pada tahun 2014, walau bagaimanapun kajian semula itu telah ditangguhkan atas sebab kedudukan kewangan negara yang tidak kukuh pada masa tersebut. Walau

bagaimanapun, Kerajaan Persekutuan sedang mengambil langkah-langkah yang perlu bagi membuat kajian semula ke atas pemberian di bawah Perkara 112C tersebut sebagaimana yang diperuntukkan dalam Perlembagaan Persekutuan.

4. Berkenaan dengan kenyataan bahawa Kerajaan Persekutuan pada masa ini masih berhutang dengan Negeri Sabah, untuk makluman Yang Berhormat, kesemua obligasi-obligasi kewangan oleh Kerajaan Persekutuan kepada Kerajaan Negeri Sabah dan juga negeri-negeri lain yang tertakluk di bawah undang-undang telah ditunaikan tanpa gagal oleh Kerajaan Persekutuan setiap tahun.